
Faktor Pemilihan Program Pelancongan Dalam Kalangan Pelajar Semester Satu di Kolej Komuniti Malaysia

Nur Zahirah Binti Ahmad Razei¹, Muhamad Faiz Bin Ismail²

¹ Kolej Komuniti Hulu Selangor, Selangor, Malaysia
Emel: zahirah.arab@gmail.com

² Kolej Komuniti Kota Tinggi, Johor, Malaysia
Emel: muhamadfaiz.edu@gmail.com

Abstrak

Industri pelancongan dikenal pasti sebagai salah satu pemacu utama ekonomi negara, di samping menawarkan pelbagai prospek kerjaya kepada graduan. Perkembangan ini menuntut institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), khususnya Kolej Komuniti, untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran dalam bidang pelancongan. Namun begitu, kajian yang memfokuskan kepada faktor pemilihan bidang pelancongan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti masih terhad. Sehubungan itu, kertas konsep ini mencadangkan satu kajian tinjauan kuantitatif berbentuk deskriptif bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan program pelancongan dalam kalangan pelajar Semester Satu di 13 Kolej Komuniti seluruh Malaysia bagi Sesi I:2026/2027. Data dicadangkan untuk dikumpul melalui soal selidik berstruktur secara dalam talian dan dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi memperoleh skor min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian ini dijangka memberi implikasi kepada pihak pengurusan kolej dalam merangka strategi promosi dan pengambilan pelajar yang lebih berfokus, di samping menyumbang kepada pemantapan program pelancongan dalam konteks TVET, khususnya Kolej Komuniti di Malaysia.

Kata kunci: *Pemilihan program pelancongan; Kolej Komuniti; Pendidikan pelancongan; Pelancongan; TVET*

Abstract

The tourism industry is recognised as one of the key drivers of the national economy, while also offering diverse career prospects for graduates. This development requires Technical and Vocational Education and Training (TVET) institutions, particularly Community Colleges, to produce skilled manpower in the tourism field. However, studies focusing on the factors influencing the selection of tourism programs among Community College students remain limited. Accordingly, this conceptual paper proposes a descriptive quantitative survey to identify the factors influencing the selection of tourism programs among first-semester students from 13 Community Colleges across Malaysia for Session I:2026/2027. Data are proposed to be collected through a structured online questionnaire and analyzed using SPSS software to obtain mean scores, standard deviations, frequencies, and percentages. The findings of this study are expected to have implications for college management in formulating more focused student recruitment and promotional strategies, while also contributing to the strengthening of tourism programs within the TVET context, particularly Community Colleges in Malaysia.

Keywords : *Tourism program selection; Community college; Tourism education; Tourism; TVET*
